

Pembelajaran Berterusan, Asas Kelangsungan Hidup – Rosmah Bernama
11 Julai, 2012
Oleh M. Saraswathi

BANGALORE, 11 Julai (Bernama) -- Pembelajaran berterusan merupakan asas bagi kelangsungan hidup dalam dunia kompetitif dan organisasi seperti Institut Pengurusan Asia (AIM) memainkan peranan penting dalam menyediakan platform itu, kata Datin Seri Rosmah Mansor

"Asas bagi kelangsungan hidup pada hari ini ialah meninggalkan cara pembelajaran yang lama dan ketinggalan zaman dan menggunakan kaedah baru pembelajaran yang lebih relevan dengan persekitaran kontemporari.

"Sesetengah pihak menyifatkan ini sebagai mengubah cara berfikir," kata isteri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak itu pada mesyuarat AIM Alumni di sini pada Rabu.

Rosmah, dalam rangka lawatan sehari ke Bangalore, dijadual menghadiri dan menyampaikan ucap tama bertajuk 'Developing Talent for the Future' (Membangunkan Bakat untuk Masa Depan) pada Kongres Anugerah Asia HRD (Human Resources Development) 2012 lewat Rabu.

Turut hadir bekas presiden Filipina Fidel V. Ramos, dan M. P. Singh yang merupakan pengerusi Federation of AIM Alumni Association Inc dan presiden Persatuan Alumni AIM India.

Rosmah berkata teknik pada zaman dahulu mungkin tidak boleh lagi diguna pakai untuk menangani masalah pada zaman ini.

"Dalam landskap sebegitu, pembelajaran kita tidak boleh berhenti, atau kita mungkin berisiko ketinggalan di belakang oleh rakyat kita dan organisasi kita.

"Tanpa mengira betapa tinggi pendidikan kita, kita tidak boleh menutup hati dan minda kita terhadap kitaran pembelajaran," katanya.

Rosmah, yang mendapat latihan di AIM di Manila pada 1984, berkata:

"Institusi seperti AIM memberikan kepada kita sokongan untuk kita meneruskan pembelajaran. Di AIM, kita diajar yang kita perlu menjadi pemimpin merentas sempadan dan pengurus tatkala kita berdepan dengan isu merentas sempadan.

"Untuk muncul sebagai bakat global dan mampu untuk beroperasi di mana-mana bahagian di dunia, keperibadian tinggi dan kecekapan diperlukan dalam dunia pasaran bebas kini.

"Bagi kebanyakan kita, latihan di AIM telah membuka pelbagai peluang baharu dan banyak juga daripada mereka, telah berada di tempat yang mereka inginkan."

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679704>